



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

SIARAN MEDIA

STEVEN SIM LANCAR PORTAL TEKUN NASIONAL, SASAR KELULUSAN PEMBIAYAAN MIKRO RM20,000 DALAM TEMPOH MASA 24 JAM MENJELANG AKHIR TAHUN

MELAKA, 21 JUN – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan agensinya, TEKUN Nasional, kini menyasarkan untuk memperkenalkan kelulusan pembiayaan TEKUN sehingga RM20,000 dalam tempoh masa 24 jam menjelang penghujung tahun ini.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Encik Steven Sim Chee Keong, mengumumkan sasaran tersebut ketika melancarkan Portal TEKUN Nasional sempena Majlis Perasmian Penutupan Karnival Hebatkan Perniagaan Malaysia (HPM) 2026 Edisi Melaka di Morten Walk, petang ini.

Portal TEKUN Nasional dibangunkan sebagai platform digital sehenti yang membolehkan usahawan **mendapatkan maklumat pembiayaan, membuat permohonan secara dalam talian, menyemak status permohonan, mengakses hebahan program dan latihan keusahawanan serta mendapatkan maklumat berkaitan pejabat TEKUN di seluruh negara.**

Pelancaran portal itu menandakan satu lagi langkah penting dalam agenda ABCD KUSKOP, khususnya **Birokrasi Dipermudahkan**, selain memperkukuh agenda pendigitalan TEKUN Nasional bagi memudahkan rakyat mengakses maklumat, perkhidmatan dan pembiayaan keusahawanan dengan lebih cepat dan mesra pengguna.

Sempena pelancaran tersebut, YB Steven Sim turut mengumumkan bahawa permohonan pembiayaan TEKUN sehingga RM100,000 kini diproses dan diluluskan dalam tempoh tujuh hari.

Pada masa yang sama, beliau memaklumkan bahawa SME Bank dan Bank Rakyat turut komited untuk memproses dan meluluskan permohonan pembiayaan sehingga RM1 juta dalam tempoh 14 hari.

"Kita sedang mengubah cara kerajaan menyampaikan perkhidmatan kepada usahawan. Pembiayaan tidak seharusnya dibebankan dengan proses yang terlalu panjang dan birokratik. Kita mahu usahawan memberi tumpuan kepada membina perniagaan, manakala kerajaan memastikan sokongan sampai dengan lebih pantas," kata beliau.

Majlis hari ini turut menandakan berakhirnya lawatan kerja tiga hari YB Steven Sim ke Melaka yang berlangsung dari 19 hingga 21 Jun 2026 sempena Karnival Hebatkan Perniagaan Malaysia (HPM).

Sehingga 31 Mei 2026, KUSKOP telah meluluskan pembiayaan berjumlah **RM92 juta** kepada lebih **4,300 usahawan** di Melaka melalui pelbagai agensi di bawah kementerian ini.

Di peringkat nasional pula, setakat 31 Mei 2026, KUSKOP telah meluluskan pembiayaan berjumlah RM5 bilion yang memanfaatkan lebih 180,000 perusahaan di seluruh negara.

Menerusi inisiatif **PowerUp10K**, KUSKOP menyasarkan penyaluran pembiayaan berjumlah **RM15 bilion** kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) di seluruh negara pada tahun ini.

Hebatkan Perniagaan Malaysia!

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
21 JUN 2026